

# CONTOHI AKHLAK RASULLAH SAW MANIFESTASI KETAATAN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَلَا تُبْطِلُوا أَعْمَالَكُمْ ﴿٣٣﴾

(Surah Muhammad, ayat 33)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ  
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

## SAUDARA MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Ketahuiilah! Kehidupan yang tidak didasari iman dan taqwa kepada Allah SWT adalah umpama hiburan dan permainan Cuma. Maka, sama-samalah kita melakukan perubahan ke arah hidup Islami mengerjakan segala perintah Allah SWT dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga kita berhasil menjadi Muslim yang benar-benar beriman dan bertaqwa yang akan memperolehi ganjaran pahala dari Allah SWT sejajar firman-Nya:

إِنَّمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا لَعِبٌ وَلَهْوٌ وَإِنْ تُؤْمِنُوا وَتَتَّقُوا يُؤْتِكُمْ أَجُورَكُمْ وَلَا يَسْأَلْكُمْ أَمْوَالَكُمْ ﴿٣٦﴾

Yang bermaksud: "(Ingatlah) bahawa kehidupan dunia (yang tidak berdasarkan iman dan takwa) hanyalah ibarat permainan dan hiburan. Dan jika kamu beriman serta bertakwa, Allah akan memberikan kamu pahala amal kamu, dan Dia tidak meminta kepada kamu harta benda kamu (melainkan untuk memberikan kamu barang yang lebih baik daripadanya)." (S. Muhammad: 36).

## SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Ada orang menjadi gah dan dihormati kerana pangkat dan kuasa yang ada padannya. Apabila pangkat dan kuasanya sudah tiada, maka berakhirlah kebesaran dan penghormatan kepadanya.

Ada orang menjadi besar dan disanjung kerana harta benda serta kekayaan yang dimilikinya. Apabila dia jatuh bankrap, hilanglah kebesaran dan sanjungan kepadanya.

Dan, ada orang yang dibesar-besarkan kerana dia berusaha mencapai keagungan dan kemasyhuran. Apabila berlaku sesuatu hal yang mengaibkan dirinya, dia akan dicemuh oleh masyarakat hatta kemasyhurannya pun lenyap.

Tetapi, Nabi Muhammad SAW yang hari kelahirannya kita peringati pada bulan Rabiulawal setiap tahun diagung-agungkan dan dimuliakan bukan lantaran pangkat dan kekuasaan yang dimilikinya. Baginda diagung-agungkan dan dimuliakan bukan disebabkan harta benda atau kekayaan. Baginda SAW agung dan mulia kerana dibesarkan dan dimuliakan oleh Allah SWT dengan memilihnya sebagai utusan-Nya bagi membawa risalah Islam ke seluruh alam.

Firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَىٰ الدِّينِ كُلِّهِ ۚ وَكَفَىٰ بِاللَّهِ شَهِيدًا ﴿٢٨﴾

Maksudnya: “Dialah yang telah mengutuskan Rasul-Nya (Muhammad SAW) dengan membawa hidayah petunjuk dan agama yang benar (agama Islam), supaya Dia memenangkannya dan meninggikannya atas segala bawaan agama yang lain; dan cukuplah Allah menjadi saksi (tentang kebenaran apa yang dibawa oleh Rasul-Nya itu).” (S. Al-Fath: 28).

Dengan kebesaran dan kemuliaan yang dikurniakan Allah kepada Nabi Muhammad SAW, tiada siapa yang dapat menggugatnya walau apapun usaha orang lain untuk menjatuhkannya. Ini terbukti dengan usaha kaum musyrikin untuk menyekat dakwah Baginda dan mengalahkan Baginda di medan perang tidak berhasil meskipun mereka berpadu tenaga dan berikhtiar sehabis upaya.

Bagaimanapun, apabila seseorang atau kelompok tertentu dilaknat dan dijatuhkan oleh Allah SWT, pasti tiada yang dapat meletakkannya semula ke atas meskipun satu dunia berusaha menaikannya semula. Ini sebagaimana halnya dengan Firaun, yang meskipun dianggap begitu berkuasa ke atas negeri dan rakyatnya, namun berakhir jua kuasa dan pemerintahannya apabila dia dan bala tenteranya ditenggelamkan oleh Allah SWT di laut sepertimana terakam di dalam al-Quran:

فَأَنْتَقَمْنَا مِنْهُمْ فَأَغْرَقْنَاهُمْ فِي الْيَمِّ بِآيَاتِنَا ۚ وَكَانُوا عَنْهَا غَافِلِينَ ﴿١٣٦﴾

Yang bermaksud: “Maka Kami pun membalas mereka, lalu Kami menenggelamkan mereka di laut, dengan sebab mereka mendustakan ayat-ayat Kami dan mereka sentiasa lalai daripadanya.” (S. Al-A’raaf: 136).

#### **KAUM MUSLIMIN YANG MULIA,**

Keluhuran akhlak Muhammad putera Abdullah merupakan antara faktor Baginda dipilih Allah sebagai Pesuruh-Nya dan menjadi tokoh atau model contoh kehidupan bagi seluruh umat manusia. Kenyataan ini terakam Di dalam Al-Quran, di mana Allah SWT menegaskan dengan firman-Nya:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ ﴿٤﴾

Yang bermaksud: “Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang sangat-sangat mulia.” (S. Al-Qalam: 4).

Ini diperkuat lagi dengan pernyataan Aisyah RA, “Akhlak Rasulullah adalah al-Quran.” (HR Abu Daud dan Muslim).

Lantaran Nabi Muhammad SAW memiliki akhlak yang terpuji, maka Baginda diutus untuk menyempurnakan akhlak umatnya. Ini berikutan dengan keadaan akhlak umat manusia yang rosak ketika itu gara-gara menyembah berhala mempersekutukan Allah SWT, menindas golongan yang lemah di samping berbangga melakukan maksiat seperti zina, judi, minum arak dan sebagainya.

Sabda Rasulullah SAW, maksudnya: *“Aku diutus untuk menyempurnakan akhlak (budi pekerti) yang mulia.”* (HR Ahmad).

### **SAUDARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Ketika ditanya sahabat mengenai anugerah terbaik yang boleh diberikan seorang Muslim kepada orang lain, Rasulullah SAW menjawab: *“Akhlak yang baik.”* (HR Ahmad, An-Nasai, Ibnu Majah dan Abu Daud).

Sebab itu, kita sebagai umat Islam sangat dianjurkan supaya memiliki akhlak yang baik. Dari segi bahasa, akhlak bermaksud kebiasaan, perangai dan tingkah laku tulus yang tidak dibuat-buat yang menjadi kebiasaan. Manakala dari segi istilah, akhlak merujuk kepada sikap keperibadian manusia terhadap Allah, manusia, diri sendiri dan makhluk lain, sesuai dengan suruhan dan larangan serta petunjuk al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

\* Akhlak manusia terhadap Allah. - Mengaku tiada Tuhan selain Allah yang memiliki segala sifat terpuji dan sempurna. Ia hendaklah dizahirkan dengan perbuatan menyucikan Allah dan memujinya, bertawakal atau berserah diri kepada Allah setelah berusaha, berbaik sangka terhadap Allah, beribadat dan memohon pertolongan hanya kepada Allah, dan menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah SWT.

\* Akhlak sesama Manusia. - Ia meliputi akhlak atau berbuat baik terhadap ibu bapa, menjalinkan silaturahim dan berbuat baik kepada kaum kerabat, menghormati jiran tetangga dan memelihara persahabatan.

\* Akhlak terhadap makhluk lain dan persekitaran. - Berusaha mengekang diri daripada melakukan sesuatu yang buruk dan membawa mudarat, menyingkirkan segala perangai serta tabiat yang buruk dan menggantikan tingkah laku yang keji dengan tingkah laku yang terpuji.

### **HADIRIN MUSLIMIN YANG DIKASIHI ALLAH SWT,**

Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW menjadi neraca serta petunjuk akhlak Islam. Ini kerana Baginda adalah tokoh yang diistiharkan oleh Allah SWT sebagai sebaik-baik individu untuk dicontohi dan diikuti oleh seluruh umat manusia, sebagaimana firman-Nya:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: *“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta dia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang).”* (S. Al-Ahzab: 21).

Menurut sirah Nabi, sejak kecil lagi Baginda sudah biasa hidup dalam kesederhanaan. Rumah Baginda kecil dan tidak mempunyai perabot. Tempat tidur Baginda dikatakan hanya selembur tikar pelepah kurma.

Lalu, pernah seorang sahabat menawarkan tempat tidur yang lebih layak bagi seorang Rasul Allah. Namun, Baginda menjawab, *“Apalah ertinya dunia bagiku ... bukankah engkau rela mereka memperoleh dunia sedangkan kita memperoleh akhirat?”*

Selain itu, Rasulullah mudah berkomunikasi dengan sesiapa pun, beradab sopan, lemah lembut, penyabar, tidak marah walau disakiti. Tetapi, wajah Baginda akan berubah merah padam bila melihat kemungkar atau hak-hak Allah diinjak-injak dan dihina.

Rasulullah juga seorang yang rendah hati. Walau seorang Nabi dan pemimpin Negara, Baginda tidak mahu disanjung dan dihormati serta disanjung-sanjung. Anas bin Malik RA berkata, "Para sahabat yang mahu berdiri menyambut kehadiran Rasulullah, tidak jadi berdiri ketika mengetahui bahawa Rasulullah tidak mahu dihormati seperti itu." (HR Ahmad).

#### **JEMAAH MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Orang yang berakhlak baik akan mencapai darjat seperti seorang berpuasa dan berqiamulail. Ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud: "Sesungguhnya seorang mukmin yang berakhlak mulia mencapai kedudukan seperti seorang yang berpuasa dan berqiamulail." (HR Ahmad dan Abu Daud).

Oleh itu, kita sebagai Muslim harus berusaha mencontohi seluruh kehidupan Rasulullah SAW seberapa daya yang boleh. Segala sunnah dan panduan hidup yang telah dipertunjukkannya wajib kita pelajari, hayati dan teladani kerana ia adalah manifestasi ketaatan kita kepada Rasulullah SAW. Dan, sesiapa yang mentaati Rasulullah, maka sesungguhnya dia juga telah mentaati Allah SWT.

Firman Allah SWT:

مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ ط وَمَنْ تَوَلَّىٰ فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا ﴿٨٠﴾

Maksudnya: "Sesiapa yang taat kepada Rasulullah, maka sesungguhnya dia telah taat kepada Allah; dan sesiapa yang berpaling ingkar, maka (janganlah engkau berdukacita wahai Muhammad), kerana Kami tidak mengutusmu untuk menjadi pengawal (yang memelihara mereka dari melakukan kesalahan)." (S. An-Nisaa': 80).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



Diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah